

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PADANG MPK

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik padang MPK di Pekan Kapar menjadi padang rakyat yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur sukan dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun ini Majlis Perbandaran Klang telah mensasarkan padang awam bersebelahan dewan Taman Seri Kerayong, Kapar untuk diberikan kemudahan sokongan menjadi padang rakyat yang lengkap.

Kawasan lapang yang berkeluasan 3.2 ekar ini sedang dalam proses penyediaan rekabentuk, spesifikasi kerja, anggaran kos projek dan dokumen berkaitan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis.

Berdasarkan manual garis panduan dan piawaian perancangan negeri Selangor edisi ketiga, padang ini boleh diberikan kemudahan sokongan seperti padang permainan kanak-kanak, padang bola, gelanggang, kawasan jogging, tempat rehat dan tempat letak kenderaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : BANTUAN SKIM CERIA

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri boleh membantu penduduk Pangsapuri Sri Sementa untuk membaik pulih bangunan, bumbung, cat semula dinding dan keperluan lain untuk keceriaan pangsapuri ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk bantuan membaik pulih bangunan, bumbung, cat semula dinding dan keperluan lain untuk keceriaan Pangsapuri Sri Sementa terdapat dua pilihan seperti berikut:

- i- Mengemukakan permohonan di bawah Skim CERIA (*Caring Government For Residents' Improvement Aid*) untuk pertimbangan Kerajaan Negeri bagi tahun seterusnya. Pada tahun 2019, peruntukan RM10 juta di bawah Skim CERIA telah ada komitmen di mana pemilihan pangsapuri terlibat telah dikenalpasti pada awal tahun lagi. Pemilihan bagi kawasan tersebut dibuat mengikut merit markah yang ditetapkan seperti berikut:

- Jenis bantuan baik pulih yang dipohon.
- Kategori harga pangsapuri.
- Tahap kritikal kerosakan.
- Tarikh permohonan.

Syarat memohon Skim CERIA adalah seperti berikut:

- Permohonan hanya boleh dibuat oleh JMB, MC atau ejen pengurusan yang dilantik oleh COB.
 - Harga pangsapuri semasa pembelian pertama (pembelian dengan pemaju) adalah di bawah RM150,000.00 seperti yang tercatat di dalam perjanjian jual beli.
- ii- Mengemukakan permohonan bantuan tersebut kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PENDAPATAN DARIPADA BAHAN BATUAN DAN MINERAL

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah *metric tonne* (MT) bahan batuan dan mineral (termasuk kuari, bijih timah, pasir) yang dikeluarkan di Selangor pada tahun 2017-2018?
- b) Sila beri pembahagian pengeluaran di tanah swasta, tanah kerajaan dan dalam hutan simpan kekal.
- c) Berapa jumlah royalti, ses dan premium yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017-2018, dan jangkaan pendapatan untuk tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Maklumat pengeluaran bahan batuan dan mineral bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti jadual di bawah :

Bahan Batuan Pasir			
Tahun	Kutipan Royalti (RM)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	19,397,890.53	6,465,963.51	10,668,839.79
2018	25,608,659.80	8,536,219.93	14,084,762.89

Bahan Batuan Granit			
Tahun	Kutipan Royalti (RM)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	51,948,507.45	5,118,079.55	13,307,006.83
2018	54,617,986.94	5,381,082.46	19,990,814.39

Bahan Batuan Granit (Di Bawah Hutan Simpan Kekal)			
Tahun	Kutipan Royalti (RM)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	37,230,167.76	5,118,079.55	13,307,006.83
2018	38,992,835.43	5,381,082.46	19,990,814.39

* Sumber Rujukan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Mineral Biji Timah			
Tahun	Kutipan Royalti (RM)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	125,757.12	4.12	30.07
2018	148,948.37	5.20	37.94

- b) Data pengeluaran bahan batuan dan mineral bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti jadual di bawah :

Bahan Batuan Pasir				
Tahun	Tanah Kerajaan		Tanah Hakmilik	
	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	3,897,316.36	6,430,572.00	5,118,079.55	13,307,006.83
2018	3,341,336.97	5,513,206.00	5,194,882.96	8,571,556.89

Bahan Batuan Granit				
Tahun	Tanah Kerajaan		Tanah Hakmilik	
	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	Tiada	Tiada	5,118,079.55	13,307,006.83
2018	Tiada	Tiada	5,381,082.46	19,990,814.39

Bahan Batuan Granit		
Tahun	Tanah Hutan Simpan Kekal	
	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	4,828,818.55	12,554,928.23
2018	4,798,593.26	12,476,342.48

* Sumber Rujukan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Mineral Biji Timah				
Tahun	Tanah Kerajaan		Tanah Hakmilik	
	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)	Meter Padu (M³)	Metrik Tan (MT)
2017	4.12	30.07	Tiada	Tiada
2018	5.20	37.94	Tiada	Tiada

- c) Jumlah kutipan royalti bagi tahun 2017 – 2018 dan jangkaan pendapatan pada tahun 2019 bagi bahan batuan dan mineral adalah seperti jadual di bawah :

Jumlah Kutipan Royalti (RM) Di Bawah Tanah Kerajaan dan Tanah Hakmilik		
Tahun	Bahan Batuan	Mineral Bijih Timah
2017	80,127,921.02 Juta	125,757.12
2018	86,633,506.44 Juta	148,948.37

Jangkaan Pendapatan Kutipan Royalti (RM) Di Bawah Tanah Kerajaan dan Tanah Hakmilik		
Tahun	Bahan Batuan	Mineral Bijih Timah
2019	90,000,000.00 Juta	200,000.00

Jumlah Kutipan Royalti (RM) Di Bawah Hutan Simpan Kekal				
Tahun	Royalti	SESS	Premium	Jumlah
2017	37,230,167.76	3,723,016.95	7,446,033.89	48,399,218.65
2018	38,992,835.43	3,899,283.45	7,798,566.94	49,610,512.73

** Sumber Rujukan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor*

Jangkaan Pendapatan Kutipan Royalti (RM) Di Bawah Hutan Simpan Kekal	
Tahun	Bahan Batuan
2019	50,000,000.00 Juta

** Sumber Rujukan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : TEKNOLOGI HIJAU

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menggunakan muka sauk tasik dan empangan untuk meletak panel solar untuk menjanakan tenaga yang boleh diperbaharui?
- b) Jika ya, di mana projek-projek ini bakal dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menggunakan muka sauk tasik dan empangan untuk projek pemasangan solar panel terapung. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima beberapa permohonan bagi penggunaan empangan dan badan air yang lain dan ianya sedang di dalam semakan pihak LUAS. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 18 / 2017 yang bersidang pada 31 Mei 2017 telah bersetuju secara dasar bagi permohonan untuk menyewa permukaan air di kawasan kolam takungan air Serendah, Hulu Selangor melalui kaedah Lesen Menduduki Sementara dan Pajakan dengan syarat pemohon mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga.

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga ada menerima cadangan pemasangan solar panel terapung di *Hybrid off River Augmentation System (HORAS)* 600 Kuala Selangor dan cadangan tersebut sedang dalam di peringkat penilaian dan kelulusan Kerajaan Negeri dan Suruhanjaya Tenaga.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, senarai lokasi projek adalah seperti di jadual berikut. Namun demikian, sehingga kini semua permohonan projek ini masih diperingkat penilaian dan kelulusan Kerajaan Negeri dan Suruhanjaya Tenaga.

BIL.	SENARAI LOKASI PROJEK
1.	EMPANGAN SEMENYIH
2.	EMPANGAN BATU
3.	TASIK ALTERNATIF SUNGAI RASAU

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : SISTEM E-WALLET UNTUK PENYALURAN BANTUAN KERAJAAN
NEGERI**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membangunkan sistem *E-Wallet* untuk tujuan penyaluran Bantuan Kerajaan Negeri seperti KISS dan Skim Peduli Sihat?

JAWAPAN:

- a) Program KISS sememangnya menggunakan sistem *e-wallet*. Bagi Skim Peduli Sihat, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk menggunakan sistem *e-wallet* yang disesuaikan dengan proses adjudikasi dan pengesahan tuntutan klinik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TANAH MILIK ANAK SYARIKAT DAN AGENSI KERAJAAN DI DUN
BUKIT MELAWATI**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi tanah milik anak syarikat dan agensi Kerajaan seperti PKNS, PNSB, JKR, IADA, JAIS, PKPS dan statusnya.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai lokasi tanah milik anak syarikat dan agensi Kerajaan seperti PKNS, PNSB, JKR, IADA, JAIS, PKPS dan statusnya.

Syarikat/ Agensi	Tujuan	Lokasi
PKNS	De Palma Hotel	Tg. Keramat Luas: 12 Ekar dan 5 Ekar HS(D) 10442 HS(D) 10441
	Pembangunan Bercampur	Belakang Balai Polis Luas: 18 Ekar HS(D) 283107
	Pembangunan Bercampur	Belakang Balai Polis Luas: 6.8 Ekar HS(D)283108
PKPS	Mahkamah Syariah	K. Selangor Seksyen 19 Luas: 7665 MP HS(D) 281484
	Kilang Makanan Udang	Mukim Api-API Luas: 137.00 Ekar HS(D)8523
JKR	Kawasan Pejabat	Jalan Kemajuan K. Selangor Warta WKNS: 2541 Tarikh: 19.7.2018
JAIS	Masjid Sultan Ibrahim Kuala Selangor Sek. Rendah Agama	Bandar Baru Kuala Selangor WKNS: 2020 Tarikh 18.6.2009 Bandar Baru Kuala

Syarikat/ Agensi	Tujuan	Lokasi
	Integrasi Masjid Pekan Kuala Selangor	Selangor WKNS: 2020 Tarikh: 18.6.2009 Pekan Lama Kuala Selangor GN: 21 Tarikh: 1951
PNSB	Pembangunan Bercampur	Mukim Api-Api Luas: 21 Ekar Belum ada Hakmilik
IADA (Pejabat Projek Barat Laut Kuala Selangor)	TIADA MAKLUMAT	

MAKLUMAT TAMBAHAN

Syarikat/Agensi	Tujuan	Lokasi
Kompleks Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor	Pejabat	Jalan Semarak Luas: 4.695 Hektar
Kuarters Pegawai	Kuarters	K. Selangor Seksyen 19 Warta WKNS:2540/19.7.2018 Luas: 2.363 Hektar
Rumah VVIP	Kawasan Pejabat	Jalan Tg. Keramat Warta WKNS: 4385/22.11.2018 Luas: 6894 Meter Persegi
Kuarters Jalan Tg. Keramat		Warta:1458/27.4.2017 Luas: 3.516 Hektar
Kuarters Jalan Raja Jalil		Warta:319/2.2.2017 Luas: 7695 Meter Persegi
Kuarters Jalan Klang – Kuala Selangor		Warta:1111/26.3.2015 Luas: 7323 Meter Persegi
Kuarters Jalan Bukit		Warta:319/22.2.2017 Luas: 1395 Meter Persegi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN DESA ASSAM JAWA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sebuah perpustakaan baharu bagi menggantikan Perpustakaan Desa Assam Jawa yang sudah usang dan uzur?

JAWAPAN:

- a) Perpustakaan Desa Assam Jawa adalah di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan peruntukan bagi menaik taraf dan menyelenggara perpustakaan tersebut adalah di bawah tanggungjawab PNM. Namun demikian pihak PPAS akan mencadangkan kepada pengurusan PNM untuk memberikan keutamaan pembaikan kepada mana-mana perpustakaan di bawah seliaan mereka.

Pihak PPAS telah dinaiktaraf beberapa Perpustakaan Desa yang berada di daerah Kuala Selangor dan berhampiran dengan Assam Jawa seperti Perpustakaan Desa Kg Parit Mahang yang dibina pada tahun 2015, Perpustakaan Desa Ijok (2017) dan yang terbaru ialah Perpustakaan Desa Jeram (2018) yang baru siap dinaiktaraf pada awal tahun ini. PPAS juga sedang dalam proses menaik taraf Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang yang dijangka siap pada 30 Ogos 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL RAKYAT DI BUKIT MALAWATI

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status muzium permainan tradisional rakyat di Bukit Malawati kerana sehingga kini tidak beroperasi?
 - b) Apakah usaha Kerajaan dalam menggalakkan tarikan pelancong melalui aktiviti yang dijalankan oleh muzium-muzium di Negeri Selangor?
 - c) Senaraikan semua jenis muzium yang terdapat di Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Muzium Permainan Tradisional Rakyat di Bukit Malawati, Kuala Selangor memang sehingga kini masih belum dibuka kepada orang ramai. Pada tahun 2018 Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT) menumpukan kepada kerja-kerja membaikpulih bangunan tersebut. Masalah utama ialah kebocoran yang menyeluruh pada bahagian bumbung bangunan menjadikan kerja-kerja pembaikan memakan masa yang lama kerana keseluruhan bumbung terpaksa ditanggalkan, dibaiki kerangkanya, dicuci jubinnya dan seterusnya dipasang semula. Pembaikan juga dibuat ke atas keseluruhan bangunan termasuk dinding, lantai dan kawasan sekitar. Kerja-kerja ini telah dapat disiapkan pada tahun 2018 yang lalu. Kerja-kerja ini telah menyebabkan perancangan untuk pengisian pameran ditangguhkan seketika bagi memastikan keadaan bangunan muzium berada dalam keadaan selamat untuk penempatan koleksi muzium dan pengunjung.

PADAT pada masa ini sedang melaksanakan kerja-kerja pembangunan pameran dan dijangkakan siap pada hujung tahun ini. Bagi tujuan tarikan pengunjung ke muzium ini, beberapa aktiviti sampingan berkaitan dengan permainan tradisional rakyat akan turut diperkenalkan dan dikembangkan kepada pengunjung seperti permainan batu seremban, congkak, sepak raga, batu seremban, teng-teng dan sebagainya. PADAT menjangkakan Muzium Permainan Tradisional Rakyat, Kuala Selangor ini akan dapat menjadi salah satu lagi daya tarikan pengunjung khususnya untuk kawasan Kuala Selangor.

- b) Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah dibekalkan dengan "*Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor*" yang dipertanggungjawabkan untuk memulihara semua warisan

ketara dan tidak ketara khususnya untuk negeri Selangor. Tugas teras ini juga adalah berkait rapat dalam membantu menyediakan infrastruktur, melahirkan produk-produk dan destinasi untuk pelancongan di Negeri Selangor.

Secara dasarnya PADAT mensasarkan program pelestarian serta pembangunan warisan dan pembangunan sahsiah jati diri, seterusnya menjadikannya sebagai salah satu gedung ilmu. Produk pelestarian warisan adalah merupakan wadah utama dalam membantu pembangunan dalam sektor pelancongan, serta mampu menjadi salah satu penyumbang dalam menyediakan gunatenaga dan pendapatan Negeri Selangor. Berdasarkan statistik dari negara-negara maju ianya mampu menyediakan hampir satu pertiga guna tenaga rakyatnya.

Bagi mencapai matlamat ini PADAT melaksanakan pembangunan bersepadu untuk 4 zon utama di seluruh Negeri Selangor:-

i. Pusat Ilmu dan Pelancongan Kawasan Lembah Klang.

Kawasan ini meliputi Shah Alam, Petaling Jaya dan Klang. Ketiga-tiga daerah ini akan dilengkapi dengan gedung-gedung ilmu dengan pelaksanaan program menaiktaraf Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Muzium Bijih Timah dan Sejarah Klang di Bangunan Gedung Raja Abdullah dan yang sedia ada Galeri Sultan Abdul Aziz Shah, Klang.

PADAT juga sedang giat untuk menubuhkan muzium-muzium baru iaitu Muzium Tekstil di Bangunan Anggerik (Bangunan bekas Perpustakaan Awam Negeri Selangor) Shah Alam, Muzium Postal/ Setem Negeri Selangor bersebelahan Pejabat Pos Besar Shah Alam dan Muzium Sukan di Stadium Malawati Shah Alam, Ketiga-tiga muzium baru ini dijangkakan akan dibuka kepada umum pada tahun 2021. Bagi pelaksanaan projek-projek ini pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor telah pun meluluskan peruntukan kewangannya.

Bagi membantu merealisasikan Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai kota seni dan pembangunan sektor pelancongan, PADAT telah dan akan melaksanakan berbagai-bagai program dalam bentuk warisan ketara dan warisan tak ketara. Program utama dan berterusan yang dianjurkan ialah **semarak seni atau senada**. Berbagai persembahan diantaranya persembahan kebudayaan di Dataran Shah Alam pada setiap malam minggu yang akan bermula pada bulan April ini. Program Semarak Warisan sebulan sekali di perkarangan Muzium Sultan Alam Shah. Beberapa program berkala juga dianjurkan seperti pesta makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan, busana, muzik tradisional, teater

dan sebagainya di Dataran Shah Alam, di Muzium Sultan Alam Shah, di Laman Seni Shah Alam dan di Teater Shah Alam.

Program-program sepanjang masa yang dirancangkan ini dijangkakan akan dapat memenuhi pengisian masa lapang di kawasan Shah Alam dan Petaling Jaya. Secara tidak langsung akan dapat menarik khususnya pelancong-pelancong yang menginap di sekitar kawasan ini.

ii. Pembangunan semula Kesultanan Awal Negeri Selangor dan Pelestarian Fauna Flora Daerah Kuala Selangor.

Pusat pemerintahan awal Kesultanan Negeri Selangor ialah di Kuala Selangor yang dibuka seawal tahun 1700an. Ianya berpusat di Bukit Malawati dan Bukit Tanjung Keramat, Kuala Selangor. Pada masa ini PADAT sedang menaiktaraf dua buah muzium yang terdapat di Bukit Malawati iaitu Muzium Sejarah Kuala Selangor dan Muzium Permainan Tradisional Rakyat Selangor. Untuk menjadikannya Bukit Malawati sebagai tumpuan pelawat, kerja-kerja memulihara semula seluruh kawasan ini telah pun dilaksanakan. Komponennya meliputi bekas tapak istana, jajaran tangga seratus, perigi tujuh, kubu kota Malawati, panggung teater dan beberapa buah bangunan bersejarah di sekitarnya. Kubu pertahanan Bukit Tanjung Keramat juga telah dibangunkan dan telah dibuka kepada orang ramai.

Satu lagi keunikan di Bukit Malawati ialah terdapatnya spesis monyet buntut merah yang masih menghuni kawasan ini. Pihak PADAT telah mempunyai sebuah bangunan dan sedang merangkakan pembangunannya untuk dijadikan sebagai muzium monyet ini. Monyet-monyet ini juga sinonim dengan adanya pokok warisan yang ada di persekitaran bukit ini yang juga dipulihara sebagai warisan.

Berdasarkan statistik jumlah pelawat yang berkunjung dikawasan ini mencecah antara 50,000 hingga 100,000 orang sebulan.

iii. Kompleks kegemilangan sejarah Kesultanan Negeri Selangor di Kuala Langat

Bagi melengkapi pakej pelancongan ke pantai peranginan Morib, Daerah Kuala Langat menawarkan keunikan tinggalan Kesultanan Negeri Selangor yang melambangkan keagungan empayar ini diawal 1900an.

Peninggalan yang berupa keunikan senibina bangunan-bangunan sejarahnya menjadikan sebagai sumber ilmu dan nostalgia kehabatan zaman empayar pemerintahan Kesultanan Negeri Selangor ketika itu. Salah

satu komponen tinggalan sejarah yang telah dipulihara ialah Penjara Jugra yang telah dibuka kepada pelawat mulai tahun 2004 yang lalu.

Pada masa ini program kerja yang dilaksanakan ialah menaiktaraf Istana Bandar di Kampong Bandar, Banting untuk dilestarikan sebagai mana penggunaannya sebagai istana diraja yang asal. Istana ini merupakan satu-satunya istana yang masih utuh, ianya memberikan gambaran kegemilangan Kesultanan Negeri Selangor dengan kekayaan binaannya, gaya senibinanya dan dipenuhi dengan ragam hias hasil nukilan Almathum Sultan Ala'edin Sulaiman Shah. Walau bagaimanapun pengisian bangunan istana ini dijangkakan memakan masa disebabkan data-data yang kekurangan.

Kawasan lain yang juga telah dikenalpasti ialah kawasan Bukit Jugra yang merupakan pusat pentadbiran pada zaman Kesultanan Negeri Selangor. Sebuah runtuh istana Almarhum Sultan Abdul Samad iaitu Istana Jugra juga akan di baikpulih.

Bagi menambah pembangunan bidang pelancongan di kawasan ini, usaha sedang dibuat untuk membawa pelancong-pelancong dari Pelabuhan Klang untuk mengadakan pekej persinggahan di Daerah Kuala Langat. Bagi melengkapkan pakej ini PADAT akan berkerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli cawangan Pulau Carey untuk mengatur lawatan bersepadu ke kampong ini di samping dapat memajukan produk tradisional dari kaum ini.

iv. Menerokai Muzium Pertanian dan Perikanan Sabak Bernam, Selangor

Pada masa ini PADAT telah menubuhkan Muzium Pertanian dan Perikanan di pekan Sabak Bernam. Kewujudan muzium ini telah dapat dijadikan bukan sahaja destinasi pelancong tetapi juga sebagai gedung ilmu kepada mereka yang ingin mendalami mengenai kedua-dua bidang di atas. Walau bagaimanapun gabungan kedua-dua muzium ini di bangunan yang sama, kandungan pamerannya masih banyak kekurangan. Justeru itu, langkah-langkah sedang dibuat untuk mengasingkan pameran ini di bangunan yang berasingan. Dicadangkan Muzium Pertanian Selangor dikekalkan di Daerah Sabak Bernam dan Muzium Perikanan Selangor di Daerah Sepang.

Bagi mengembangkan lagi pemahaman mengenai pemerosesan pengeluaran padi, PADAT sedang mencari tapak yang sesuai untuk menubuhkan khusus muzium padi di Daerah Sabak Bernam.

Bagi mengenali masyarakat Zaman Perunggu yang dianggarkan wujud sekitar 3,000 tahun yang lalu, Sabak Bernam juga mempunyai tapak sejarah yang telah dibangunkan bersama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Kawasan ini adalah menjadi tumpuan kepada penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar Negara dan berpotensi dibangunkan sebagai tarikan pelancong.

Selain itu, sebagai inisiatif dalam membangunkan bakat muda, Program Hadiah Sastera Selangor 2018 merupakan program anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Selangorkini bertujuan memberikan penghargaan dan menyemarakkan aktiviti penulisan dan sastera di Negeri Selangor. Program ini memberi peluang khasnya kepada penulis bakat baharu dan yang telah mapan untuk mengambil bahagian dalam penulisan karya-karya khususnya dalam bentuk puisi, cerpen dan rencana untuk diterbitkan di akhbar dan laman sesawang Selangorkini sepanjang tahun. Karya-karya yang diterbitkan ini dinilai oleh juri berpengalaman untuk diberikan hadiah bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Seterusnya, karya-karya terpilih ini akan diterbitkan menjadi sebuah antologi sastera dan penulisan Hadiah Sastera Selangor.

Kesimpulannya penggabungan strategik di antara Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dengan agensi Tourism Selangor akan memberikan impak pembangunan bersepadu di antara kedua-dua bidang ini. PADAT dalam peranannya melestari dan membangunkan warisan, hasilnya akan dapat di salurkan sebagai wadah utama dalam membantu membangunkan sektor pelancongan.

- c) Senarai semua muzium yang terdapat di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

SENARAI MUZIUM-MUZIUM DI SELANGOR:-

1. Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 SHAH ALAM
2. Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor,
Puncak Bukit Malawati,
45000 KUALA SELANGOR
3. Muzium Permainan Tradisional Rakyat,
Bukit Malawati,
45000 KUALA SELANGOR

4. Muzium Insitu Jugra,
Kampung Permatang Pasir,
42700 BANTING, KUALA LANGAT
5. Muzium Pertanian dan Perikanan Daerah Sabak Bernam,
Jalan Pasar,
45200 SABAK BERNAM
6. Gedung Raja Abdullah,
41000 KLANG
7. Istana Bandar,
Jalan Istana Lama,
Kampung Bandar,
42700 BANTING, KUALA LANGAT
8. Galeri Seni Shah Alam,
Laman Budaya,
Persiaran Tasik Barat,
Seksyen 14,
40000 SHAH ALAM
9. Galeri Seni UiTM,
Fakulti Senilukis Dan Senireka,
Universiti Teknologi Mara,
40450 SHAH ALAM
10. Galeri Diraja Sultan Abd Aziz,
Bangunan Sultan Suleiman,
41000 KLANG
11. Muzium Petaling Jaya,
Jalan 10/7, Seksyen 10,
Taman Jaya,
46000 PETALING JAYA
12. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),
51209 KEPONG SELANGOR
13. Muzium Warisan Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Jalan UPM, Putra Square,
43400 SERDANG

14. Trick Art Museum @ i-City,
2-48, Jalan Plumbum 7/103,
Seksyen 7,
40000 SHAH ALAM

15. Chocolate Museum,
2, Jalan Teknologi 3/5,
Kota Damansara,
47810 PETALING JAYA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PADANG CERGAS

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah padang cergas yang telah dibina setakat ini dalam Daerah Kuala Selangor terutamanya di DUN Permatang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan pembinaan Padang Cergas ini pada tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Jumlah padang cergas yang telah dibina setakat ini dalam Daerah Kuala Selangor terutamanya di DUN Permatang adalah seperti berikut:-
 - 27 lokasi padang cergas
 - Projek Padang Cergas di DUN Permatang - empat lokasi iaitu:
 - i. Taman Desiran Pasir Penambang
 - ii. Taman Bukit Belimbing Indah
 - iii. Taman Suria Indah
 - iv. Taman Raja Musa
- b) Tidak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PROGRAM LUAR BANDAR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Program Jalan Luar Bandar (PJLB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) akan diteruskan oleh pihak Kerajaan?
- b) Sekiranya diteruskan, bagaimanakah proses permohonan bagi kedua-dua program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri masih meneruskan agenda baikpulih dan naiktaraf Jalan Luar Bandar dengan memperuntukkan sebanyak RM3 juta di bawah Vot P01/02006 – Naiktaraf/ Baikpulih Jalan Luar Bandar. Melalui semakan dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), sebanyak RM5.3 juta diperuntukkan oleh KPLB bagi Jalan Perhubungan Desa (JPD) Negeri Selangor bagi tahun 2019.
- b) Bagi permohonan Naiktaraf/ Baikpulih Jalan Luar Bandar, senarai projek akan disediakan oleh Pejabat Daerah/Tanah yang akan dihantar kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan dokumen lengkap iaitu status tanah, gambar dan juga *Bill of Quantity* (BQ) bagi semakan UPEN untuk kelulusan dan penyaluran peruntukan Kerajaan Negeri kepada Pejabat Daerah/Tanah.

Manakala bagi Jalan Perhubungan Desa, melalui semakan bersama pihak KPLB, senarai projek akan disediakan oleh Pejabat Daerah/Tanah yang perlu dikemukakan kepada UPEN untuk diselaraskan dan pihak UPEN akan mengemukakan permohonan kepada KPLB Negeri Selangor untuk pertimbangan. Peruntukan dari KPLB akan disalurkan terus kepada Pejabat Daerah/Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : TEKANAN AIR RENDAH

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masalah utama yang menyebabkan tekanan air cukup rendah di DUN Permatang terutamanya di kawasan Taman Nilam?

JAWAPAN:

- a) Purata tekanan air di Taman Nilam adalah sebanyak 10mH dan mencukupi. Pengurusan kawalan tekanan di kawasan ini perlu dilaksanakan bagi mengelakkan paip jenis AC dan berusia lebih 30 tahun daripada pecah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : GOLONGAN PETANI SELANGOR

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program dan bantuan untuk membantu para petani Selangor meningkatkan pendapatan mereka?
- b) Apakah ada teknologi terkini yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri atau anak syarikatnya untuk meningkatkan hasil produk golongan petani?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai bentuk program mengikut jenis tanaman dan teknologi yang sesuai kepada petani. Petani boleh mendapat bantuan bagi tanaman padi, sayur, buah, kelapa, herba, cendawan, bunga, ternakan lebah dan industri asas tani. Program-program ini menyediakan bantuan dalam bentuk subsidi input pertanian seperti baja dan peralatan pertanian. Di samping itu juga, Jabatan Pertanian menyediakan kursus dan latihan kepada petani bagi meningkatkan kemahiran dan mengembangkan teknologi bagi tujuan meningkatkan hasil dan pendapatan.
- b) Pelbagai teknologi terkini yang telah diperkenalkan. Antaranya:
 - i. Teknologi tanaman secara fertigasi dan *outopot*
 - ii. Teknologi *plant factory*
 - iii. Teknologi *vertical farming*
 - iv. Pertanian lestari secara *natural farming*
 - v. Penggunaan teknologi *drone* dalam pertanian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : TABUNG AMANAH PERKUBURAN NEGERI SELANGOR

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan kerja-kerja yang sedang dan telah dilaksanakan melalui tabung ini di Daerah Kuala Selangor terutamanya di DUN Permatang.
 - b) Sila nyatakan kos perbelanjaan yang telah digunakan bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Akaun Amanah (JKAA) Perkuburan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Segala permohonan berkaitan perkuburan daripada setiap Pejabat Daerah/ Tanah di Negeri Selangor akan dipertimbangkan di dalam mesyuarat tersebut.

Menurut rekod, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor telah melaksanakan sebanyak empat (4) Projek Menaiktaraf Tanah Perkuburan pada tahun 2016, sebelas (11) projek pada tahun 2017 dan tiga (3) projek pada tahun 2018 yang melibatkan kos berjumlah **RM1,521,644.83** dan kesemua projek tersebut telah siap dilaksanakan.

Untuk makluman, baki Akaun Amanah Perkuburan bagi Daerah Kuala Selangor sehingga 31 Januari 2019 adalah berjumlah RM180,800.96. Perincian pelaksanaan projek-projek Amanah Perkuburan yang telah dilaksanakan dari tahun 2016 sehingga tahun 2018 oleh Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	NAMA PROJEK	KOS (RM)
1	2016	Membaikpulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Kg Telok Penyamun Kg Kuantan, Daerah Kuala Selangor	98,332.78
2	2016	Membaikpulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Islam Kg Sungai Terap Daerah Kuala Selangor	38,153.00

BIL	TAHUN	NAMA PROJEK	KOS (RM)
3	2016	Membina Pagar Di Tanah Perkuburan Islam Kg Raja Musa Daerah Kuala Selangor	61,060.00
4	2016	Membaikpulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Islam Kampung Sg Burong Batu 12, Daerah Kuala Selangor	106,870.00
JUMLAH PERAKUAN PROJEK TAHUN 2016			304,415.78
1	2017	Membaik Pulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Assam Jawa Daerah Kuala Selangor	109,190.00
2	2017	Membaik Pulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Kg Sg Gulang-Gulang Daerah Kuala Selangor	88,150.30
3	2017	Membaik Pulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Kg Permatang Daerah Kuala Selangor	101,388.25
4	2017	Membaik Pulih Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Islam Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor	88,200.00
5	2017	Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Bukit Cherakah Mukim Jeram Daerah Kuala Selangor	135,387.50
6	2017	Menaiktaraf Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Kg Jeram, Mukim Jeram Daerah Kuala Selangor	163,210.00
7	2017	Menaiktaraf Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Kg Simpang 3 Jeram, Mukim Jeram Daerah Kuala Selangor	61,310.00
8	2017	Menaiktaraf Kemudahan Asas Tanah Perkuburan Kg Seri Tiram Jaya Mukim Permatang Daerah Kuala Selangor	101,355.00
9	2017	Membaikpulih Kubur Blok J Kg Blok CJO Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	22,650.00
10	2017	Menaiktaraf Kawasan Perkuburan Islam Kg Sg Kajang Mukim Tg Karang 1 Daerah Kuala Selangor	91,858.00
11	2017	Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Kg Rantau Panjang Daerah Kuala Selangor	62,120.00

BIL	TAHUN	NAMA PROJEK	KOS (RM)
JUMLAH PERAKUAN PROJEK TAHUN 2017			1,024,819.05
1	2018	Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit Kuching Tengah, Mukim Jeram, Kuala Selangor	53,830.00
2	2018	Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 8 Ijok, Bestari Jaya Mukim Ijok, Kuala Selangor	69,430.00
3	2018	Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Kg. Sungai Kajang Daerah Kuala Selangor	69,150.00
JUMLAH PERAKUAN PROJEK TAHUN 2018			192,410.00
JUMLAH KESELURUHAN			1,521,644.83

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI DAERAH KUALA SELANGOR

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini IKS di Daerah Kuala Selangor?
- b) Apakah infrastruktur asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pengusaha IKS di Daerah Kuala Selangor?
- c) Berapakah anggaran peluang pekerjaan disediakan dalam IKS di Daerah Kuala Selangor?

JAWAPAN:

- a) Industri Kecil dan Sederhana atau dikenali sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana boleh ditakrifkan seperti berikut:-

a. Kategori : Pembuatan

i. Industri Kecil

- Jualan tahunan daripada **RM300,000** hingga kurang daripada **RM15 juta** ATAU daripada **5** hingga kurang daripada **75** pekerja.

ii. Industri Sederhana

- Jualan tahunan daripada **RM15 juta** hingga tidak melebihi **RM50 juta** ATAU daripada **75** hingga tidak melebihi **200** pekerja.

b. Kategori : Perkhidmatan dan Sektor Lain

i. Industri Kecil

- Jualan tahunan daripada **RM300,000** hingga kurang daripada **RM3 juta** ATAU daripada **5** hingga kurang daripada **30** pekerja.

ii. Industri Sederhana

- Jualan tahunan daripada **RM3 juta** hingga tidak melebihi **RM20 juta** ATAU daripada **30** hingga tidak melebihi **75** pekerja.

Berdasarkan definisi dan kategori di atas, sehingga kini sebanyak **53 buah syarikat IKS/PKS** yang berdaftar dengan pihak SME Corp. di dalam Daerah Kuala Selangor.

** Sumber : SME Corp.*

- b) Secara dasarnya, pihak Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan infrastruktur asas secara menyeluruh untuk usahawan-usahawan tanpa mengkhususkan kepada industri IKS atau bukan IKS.

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menyediakan medium atau platform yang boleh membantu usahawan-usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan pasaran ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan-usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan luar negara seperti program Selangor International Business Summit, Penang International Halal Expo 2019, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2019 dan lain-lain.

- c) Merujuk kepada rekod Lesen Pengilangan yang dikeluarkan, anggaran peluang pekerjaan disediakan adalah sebanyak 6,107 di Daerah Kuala Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PUSAT PELUPUSAN KENDERAAN USANG

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan pusat pelupusan kenderaan usang di setiap PBT di Negeri Selangor ekoran depoh PBT yang semakin penuh?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, PBT Negeri Selangor telah menyediakan depoh atau tempat penyimpanan kenderaan ter bengkalai yang telah ditunda/ disita. Secara keseluruhan, PBT mempunyai 19 depoh kenderaan seperti berikut:

Bil.	PBT	Kuantiti Depoh	Lokasi Depoh Kenderaan
1.	MBSA	3 Lokasi	i) Seksyen U16, Shah Alam ii) Seksyen 31, Shah Alam iii) Seksyen 17, Shah Alam
2.	MBPJ	1 Lokasi	i) Seksyen 26, Shah Alam
3.	MPSJ	4 Lokasi	i) Puchong Utama ii) TP 3, Taman Perindustrian Subang iii) Sri Puchong iv) Taman Perindustrian Bukit Serdang, Jalan PBS 14/2
4.	MPS	2 lokasi	i) Belakang Stadium MPS ii) Sg, Kertas, Gombak (tender operator swasta)
5.	MPKj	1 Lokasi	i) Tapak Semaian, Bandar Baru Bangi
6.	MPK	1 Lokasi	i) Jalan Tepi Sungai, Klang
7.	MPAJ	3 Lokasi	i) Taman Putra Sulaiman ii) Taman Melawati iii) Bengkel MPAJ, Pandan Indah
8.	MPSp	1 Lokasi	i) Bandar Baru Salak Tinggi
9.	MDKS	1 Lokasi	i) Tanjung Keramat
10.	MDHS	1 Lokasi	i) Kawasan Industri, Jalan Kenanga, Bukit Beruntung
11.	MDKL	1 Lokasi	i) Depoh Tahanan Sementara

Bil.	PBT	Kuantiti Depoh	Lokasi Depoh Kenderaan
			Sungai Manggis, Bandar Saujana Putra
12.	MDSB	Tiada	i) Kenderaan sitaan diletakkan di kawasan PBT. Sedang mencari lokasi tapak yang bersesuaian.
Jumlah		19 Lokasi	

***Sumber : Semua PBT Negeri Selangor*

Kerajaan Negeri mengambil maklum akan kekangan yang dihadapi oleh PBT akibat kawasan depoh yang terhad dan semakin penuh. Walau bagaimanapun, cadangan mewujudkan tapak pelupusan di setiap PBT memerlukan kos yang tinggi dan kesukaran bagi sesetengah PBT untuk menyediakan tapak tersebut. Selain itu, proses pelupusan yang lama hanya akan menyebabkan tambahan lambakan kenderaan usang sekiranya tapak pelupusan diwujudkan.

Sehubungan itu, adalah tidak bersesuaian untuk PBT menyediakan pusat pelupusan setempat kerana PBT boleh melantik kontraktor luar untuk urusan pelupusan ataupun PBT sendiri akan menghantar kenderaan tersebut ke kilang besi buruk.

Kerajaan Negeri masih menunggu garis panduan menguruskan kenderaan terbiar daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia yang dijangka pada Jun 2019 sebelum sesuatu Garis Panduan yang seragam di peringkat Negeri Selangor dapat dirangka dan selari di peringkat persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : BINAAN HARAM DI DALAM KAWASAN PERUMAHAN

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah bilangan binaan haram yang telah diambil tindakan?
 - b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh PBT sejak daripada tahun 2013 sehingga kini?
 - c) Apakah jenis-jenis binaan haram tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan binaan haram yang telah diambil tindakan oleh PBT Negeri Selangor pada tahun 2018 adalah sebanyak 4,408 di mana MBSA mencatatkan bilangan binaan haram paling tinggi dengan 1,067 dan paling rendah adalah MPKj sebanyak 51 binaan. Senarai penuh bilangan binaan haram untuk semua PBT Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Bilangan Binaan Haram Yang Telah Diambil Tindakan Oleh PBT
Tahun 2018

PBT	BILANGAN BINAAN HARAM YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN TAHUN 2018
MBSA	1067
MBPJ	96
MPK	77
MPAJ	1030
MPSJ	1062
MPS	331
MPKj	51
MPSp	55

PBT	BILANGAN BINAAN HARAM YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN TAHUN 2018
MDKL	115
MDHS	93
MDKS	338
MDSB	93
JUMLAH	4408

Nota : Sumber data daripada PBT Negeri Selangor.

- b) Tindakan yang diambil untuk Binaan Tanpa Kebenaran adalah mengeluarkan notis dan kompaun. Notis Amaran dan Kompaun boleh dikeluarkan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) di mana PBT mengarahkan pemilik kediaman sama ada untuk mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan bertulis PBT atau merobohkan binaan sekiranya binaan yang dibina tidak memenuhi syarat dan peraturan PBT.
- c) Jenis-jenis binaan haram yang telah diambil tindakan adalah seperti berikut :
- i. Pembinaan menara telekomunikasi haram;
 - ii. Pembinaan tempat letak kereta berbumbung di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
 - iii. Pembinaan struktur gerai di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
 - iv. Perletakan kabin di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
 - v. Pembinaan stor di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
 - vi. Pembinaan binaan yang tidak mematuhi kelulusan pelan bangunan;
 - vii. Pembinaan rumah ibadat bukan islam rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
 - viii. Pembinaan struktur pondok pengawal;
 - ix. Pembinaan gazebo di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
 - x. Pembinaan pagar melebihi sempadan persendirian iaitu memasuki rezab jalan; dan
 - xi. Pembinaan *awning* melebihi sempadan persendirian iaitu memasuki rezab jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MENAIKTARAF SEKOLAH KAFA/ MUBALIGH/ SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaiktaraf sekolah-sekolah yang tidak mampu menampung jumlah murid yang terlalu ramai?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang mempunyai murid yang terlalu ramai. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan membantu melalui program bantuan sekolah yang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROGRAM IKATAN DESA

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi melaksanakan program ikatan desa?
 - b) Sejauh manakah keberkesanan program ikatan desa yang dilaksanakan oleh MPKKK/ JKKK?

JAWAPAN:

- a) Ikatan Desa merupakan pengwujudan semula Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKK) yang pernah ditubuhkan pada tahun 2013 yang lalu. Kerajaan Negeri telah melihat akan keperluan pasukan ini dihidupkan dan dijenamakan semula memandangkan isu keselamatan rakyat terutamanya di kampung-kampung tradisi dan desa semakin mencabar ekoran ancaman globalisasi dan perkembangan teknologi semasa.

Terdapat pelbagai isu seperti kes pecah rumah, kecurian, ragut dan pergaduhan sering dilaporkan di media massa dan elektronik. Masyarakat pada hari ini di lihat semakin terdesak dengan untuk meneruskan kelangsungan hidup menyebabkan perkara-perkara seperti dinyatakan berlaku dengan berleluasa dan memerlukan tindakan yang proaktif khususnya bagi komuniti luar bandar.

Justeru pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju dengan cadangan untuk melaksanakan Program Ikatan Desa. Melalui Program Ikatan Desa, satu pasukan keselamatan yang dinamakan 'Ikatan Desa' diwujudkan. Pasukan ini dilatih melalui tiga (3) komponen penting iaitu:

- 1. Kawalan keselamatan kampung yang meliputi aspek keselamatan orang awam, rumah, bangunan awam dan kesejahteraan penduduk kampung;
- 2. Khidmat bantuan awal perubatan; dan
- 3. Kawalan kebakaran.

Pelaksanaan Program Ikatan Desa terdiri daripada dua (2) aspek penting iaitu memberi latihan berkaitan kawalan keselamatan kampung kepada anggota Pasukan Ikatan Desa dan juga pemberian peralatan/logistik yang akan

digunapakai oleh anggota Ikatan Desa ketika melaksanakan tugas yang telah diamanahkan untuk menjaga ketenteraman kampung.

Bagi memastikan segala yang dirancang berjalan lancar, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang telah diadakan pada 1 Februari 2017 dan telah disahkan oleh MMKN ke 5/2017 pada 8 Februari 2017 melalui Kertas MMKN. No.30/4/2017 telah meluluskan pelaksanaan Program Ikatan Desa dengan peruntukan sebanyak RM3,679,152.00 bagi membiayai penganjuran kursus dan pembekalan peralatan kepada Pasukan Ikatan Desa.

Pecahan peruntukan sebenar yang telah dibelanjakan sehingga kini mengikut item adalah seperti berikut:

BIL	ITEM	KOS
1.	Kursus Ikatan Desa	RM2,184,312.00
2.	Pembekalan Peralatan : <ul style="list-style-type: none">• Walkie Talkie• Peralatan Keselamatan	RM702,144.00 RM656,894.70
JUMLAH DIBELANJAKAN		RM3,543,894.70

- b) Kursus untuk anggota Ikatan Desa telah diadakan pada bulan September sehingga Disember 2017 secara bersiri bertempat di Kem Nur Lembah Pangsun Jalan Ampang Pecah Kuala Kubu Baru, Kem Nur Laman Bestari Ulu Yam dan juga Kem Bukit Unggul Jenderam Hulu Sepang. Tumpuan kursus pada tahun lepas adalah kepada Kawalan Keselamatan Kampung di mana peserta mengikuti kursus diberikan latihan asas berkaitan keselamatan, kebakaran, semboyan dan pertahanan diri.

Pada bulan Januari sehingga Februari 2018 penyerahan peralatan untuk kawalan keselamatan kampung kepada pasukan Ikatan Desa disetiap kampung telah dilaksanakan. Peralatan keselamatan seperti vest, lampu suluh, papan tanda, *walkie talkie*, kon keselamatan dan papan tanda diserahkan melalui Ketua Kampung yang juga merupakan ketua pasukan Ikatan Desa.

Memandangkan Program Ikatan Desa masih berada diperingkat awal pelaksanaan, oleh itu impak pelaksanaannya masih belum dapat dibuat penilaian. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2019 ini, pelaksanaan Program Ikatan Desa ini akan dikaji semula dan akan dibuat pengubahsuaian serta penambahbaikan dari perbagai sudut iaitu dari segi skop, dasar dan hala tuju pelaksanaannya seiring dengan keperluan masyarakat setempat. Selain itu anggota pasukan Ikatan Desa akan dibuat penyusunan semula dan akan

diletakkan di bawah Biro Keselamatan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Kerjasama bersama agensi-agensi seperti PDRM, BOMBA, JPAM serta lain-lain agensi berkaitan akan ditingkatkan dan mereka akan bertindak sebagai agen penggerak pasukan Ikatan Desa Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi peruntukan membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur sukan ke dalam peruntukan tahunan Ahli Dewan Negeri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan jumlah peruntukan tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat menitik beratkan aspek pembangunan sukan dan sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor.

Justeru itu, penyediaan kemudahan sukan untuk kegunaan latihan dan persiapan para atlet sebelum menyertai kejohanan dan juga untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti kesukanan tidak pernah diabaikan.

Namun begitu, setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyediakan peruntukan membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur sukan di dalam peruntukan tahunan Ahli Dewan Negeri. Buat masa ini, kaedah sedia ada yang digunakan masih lagi relevan untuk memenuhi keperluan setiap DUN. Justeru ini, peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut iaitu sebanyak RM40,000.00 kepada setiap DUN akan disalurkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah untuk melaksanakan projek-projek menaiktaraf dan membaik pulih kemudahan sukan di peringkat DUN.

Untuk makluman, pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,240,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat DUN dan sebanyak RM1,000,000.00 untuk Kerja-kerja Menaiktaraf dan Membaikpulih Lampu Limbah Padang Sintetik Akademi Bola Sepak Merah Kuning yang menjadikan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM3,240,000.00.

Seterusnya, untuk makluman jua, bermula pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan untuk meningkatkan peruntukan bagi Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat DUN yang mana peruntukan asal adalah sebanyak RM1,120,000.00 telah dinaikkan kepada RM2,240,000.00 iaitu dengan pertambahan daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 bagi setiap DUN di seluruh Negeri Selangor. Peningkatan jumlah peruntukan ini dapat membantu dalam memastikan fasiliti dan kemudahan sukan dapat dibaikpulih untuk kegunaan orang awam bagi menjalankan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri juga dari masa ke semasa berusaha mengumpul data dan status semasa tahap kemudahan sukan di Selangor dalam usaha untuk memastikan kemudahan tersebut dapat dinaiktaraf sesuai dengan keperluan untuk tujuan aktiviti sukan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, projek-projek pembangunan infrastuktur sukan akan diutamakan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang kritikal dan perlu dinaiktaraf segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROJEK BAIKPULIH DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek baikpulih infrastruktur sukan yang telah dilakukan daripada tahun 2013 sehingga kini mengikut DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat akan keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor dalam usaha untuk memartabatkan aspek pembangunan sukan dan aktiviti-aktiviti kesukanan bagi melahirkan generasi muda yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Untuk makluman, Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan 2013 sehingga kini mengikut DUN yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Lampiran 1**.